PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (1) Jun.2018 (024-031)

Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi

Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah
alhaadi.ismail@gmail.com; zazh@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Dalam proses penguasaan bahasa kedua, kesalahan dalam penggunaan bahasa sering kali dilakukan oleh murid-murid bahasa kedua tersebut. Kesalahan yang dilakukan biasanya bermula daripada kesalahan bahasa dalam pertuturan. Kemudian, kesalahan tersebut akan terbawa-bawa dalam penulisan pengguna bahasa kedua tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan bahasa dari aspek morfologi dalam penulisan murid-murid Cina tahun 5. Dalam pada itu, skrip jawapan bahagian C kertas penulisan beberapa orang murid tahun 5 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa Telok Kemang telah dijadikan sebagai bahan kajian. Pemilihan sampel untuk kajian ini dilakukan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Bahan kajian yang telah dipilih dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Hasil kajian menunjukkan kesalahan morfologi yang dilakukan oleh murid-murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan "di-", imbuhan awalan "meN-" dan alomorfnya, serta kesalahan dalam pemilihan istilah dalam penulisan murid-murid Cina.

Kata Kunci : analisis kesalahan, bahasa kedua, morfologi, penulisan, bahasa Melayu, murid Cina

Error Analysis in Second Language Student Writing from Morphological Aspects

Abstract

In the process of acquiring a second language, mistakes in language use are often done by the second language pupils. The mistakes made usually start from speech-language errors. Then, the error will be misleading in the writing of the second language user. The study aims to identify and analyse language errors in the aspects of morphology in the writing of Chinese's students 5. In the meantime, the answer script parts C of the writing of some 5 year old pupils at the Chinese National Type School Chung Hwa Telok Kemang has been used as a material research. Sample selection for this study was conducted using a purposive sampling technique. The selected materials were analyzed using the Error Analysis Theory by Corder (1981). The method used in this study is text analysis. The findings show that the morphological errors performed by Chinese's students in learning Malay as the second language are the mistakes in the use of the "di-" prefix, the prefix "meN-" and the alomorphic prefixes, as well as the mistakes in the selection of terms in the writing of Chinese's students.

Keywords : error analysis, second language, morphology, composition, Malay language, Chinese students

Pengenalan

Proses pemerolehan bahasa kedua oleh murid-murid Cina tidak sama seperti proses pemerolehan bahasa pertama mereka. Hal ini demikian kerana Ooi (2017) menyatakan bahawa pengaruh bahasa pertama menyebabkan murid Cina terbawa-bawa struktur nahu bahasa pertama dalam penggunaan bahasa kedua dalam pertuturan dan penulisan. Tambahan daripada itu, Chew (2016) dalam kajiannya menunjukkan bahawa murid-murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) gagal untuk menguasai sebutan dalam bahasa Melayu dengan baiknya. Sebutan yang tidak tepat akan mempengaruhi bahasa yang digunakan dalam penulisan. Kajian Chia Teh Heng (1999) telah pun menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri lingusitik dalam pembentukan ayat tanya dalam bahasa Melayu oleh murid-murid Cina. Hal ini jelas dalam ayat tanya yang memperlihatkan wujud perbezaan dari segi urutan kata dan unsur pembentukan ayat tanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Perbezaan ini turut mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Cina.

Di samping itu, kesalahan dalam pemilihan kata atau istilah juga merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar bahasa kedua. Menurut Hazlina Abdul Halim & Ang Lay Hoon (2015), kesalahan pemilihan kata atau istilah berlaku disebabkan kekurangan kosa kata hingga menyebabkan pelajar bahasa kedua memilih kata atau istilah yang paling hampir dengan perkara yang ingin diekspresikan.

Penguasaan bahasa kedua

Dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing, pengetahuan kosa kata amat penting untuk membolehkan seeorang itu berkomunikasi dengan lancar sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan, (Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2013). Namun perbezaan linguistik antara dua bahasa boleh menimbulkan kesukaran kepada murid-murid untuk mempelajari bahasa kedua dan bahasa asing termasuklah bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Cina. Hal ini telah dibuktikan oleh Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2011) yang mendapati perbezaan linguistik bahasa Thai dengan bahasa Melayu sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing kepada pelajar di Malaysia.

Di samping itu, Roshidah Hassan (2015) dalam kajiannya tentang keupayaan pelajar Melayu mengujarkan bunyi-bunyi bahasa dalam bahasa Perancis, mendapati kesilapan berbahasa boleh berpunca sama ada daripada gangguan bahasa pertama, sistem bahasa kedua ataupun bahasa sasaran. Dalam kajiannya, Roshidah Hassan (2015) menggariskan tiga objektif, iaitu untuk menilai keupayaan atau kebolehan pelajar Melayu dalam mengujarkan bunyi vokal dalam bahasa Perancis, mengenal pasti bunyi vokal yang menimbulkan masalah kepada pelajar Melayu untuk mengujarkannya, dan mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar Melayu untuk berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan ujaran bunyi vokal dalam bahasa Perancis. Roshidah Hassan (2015) telah menggunakan 32 orang pelajar Melayu yang menuntut di sebuah daripada institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di Selangor sebagai sampel. Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik dan ujian. Seterusnya, data dianalisis menggunakan pendekatan analisis kesilapan yang diasaskan oleh Corder (1967). Hasil kajian Roshidah Hassan (2015) telah menunjukkan bahawa perbezaan linguistik antara bahasa pertama, bahasa kedua dan bahasa sasaran menjadi salah satu daripada punca yang menimbulkan gangguan dan masalah kepada pelajar apabila mereka mempelajari bahasa tersebut.

Selain itu, kajian Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal (2014) telah menunjukkan bahawa kekangan utama yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab ialah penguasaan kosa kata yang terhad. Sedangkan penguasaan kosa kata yang meluas menjadi salah satu aspek yang penting dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa, kerana semakin banyak kosa kata diperoleh dan dikuasai oleh seseorang itu, semakin berkemampuan dan berkeupayaan seseorang itu dalam mengungkapkan sesuatu dengan berkesan dan meyakinkan (Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon

Hamzah, 2013). Demikian juga, dapatan kajian Shahidi A.H., Shirley Langgau, & Rahim Aman (2015) juga turut menunjukkan perbezaan aspek realisasi fonetik antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu telah menyebabkan penutur bahasa Iban sukar untuk mengusai bahasa Melayu. Sementara itu, dapatan kajian Priscilla, Chang, dan Jeannet (2016) telah menunjukkan bahawa penutur yang mempunyai penguasaan bahasa yang lemah akan menghadapi masalah apabila berdepan dengan penutur yang lebih mahir di dalam dan di luar kelas bahasa.

Seterusnya, Ooi (2017) menjelaskan bahawa cara penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua adalah tidak sama malahan amat berbeza. Dalam kajiannya, objektif yang ingin dicapai adalah untuk menganalisis faktor yang mempengaruhi murid-murid Cina dalam mempelajari bahasa Melayu. Seramai 77 orang murid Cina dalam kalangan murid tahun 4, 5 dan 6 dipilih sebagai sampel Kaedah yang digunakan dalam kajian Ooi (2017) ialah temu bual, tinjauan dan pemerhatian. Data kajian dianalisis menggunakan teori interaksi yang telah dipelopori oleh Halliday. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi murid Cina dalam mempelajari bahasa Melayu ialah faktor latihan, faktor persekitaran, minat dan sikap murid. Selanjutnya, kajian Shahidi A.H. & Rahim Aman (2010) telah menunjukkan bahawa dialek juga turut mempengaruhi pertuturan dalam bahasa Melayu standard. Selain dialek, kajian Roshidah Hassan (2015) menunjukkan bahawa perbezaan fonologi antara bahasa pertama, bahasa kedua, dan bahasa sasaran telah menyebabkan pelajar sukar untuk membunyikan vokal dalam kalangan pelajar Melayu.

Di samping itu, Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016) mendapati tahap kemahiran pelajar Cina dari Universiti Kebangsaan Yunnan yang datang untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu yang ditawarkan adalah masih pada tahap yang asas. Justeru, timbul beberapa masalah pengajaran dan pembelajaran dalam memastikan pelajar-pelajar tersebut dapat mengikuti kursus bahasa Melayu dengan baik. Dalam kajian ini, Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016) cuba menyelidik dan membincangkan aspek kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dari Universiti Kebangsaan Yunnan. Dalam kajian ini, skrip jawapan peperiksaan 39 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Melayu telah dijadikan bahan kajian. Kaedah yang digunakan ialah analisis dokumen. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Cina dari Universiti Kebangsaan Yunnan yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menghadapi masalah dalam aspek morfologi, sintaksis. Selain aspek linguistik, pelajar juga melakukan kesalahan dari aspek mekanikal. Sejajar dengan itu, Chew (2016) mendapati masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid bahasa kedua adalah berpunca daripada kurangnya sokongan daripada ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan, kurang membaca bahan bahasa Melayu, kurang menonton siaran dalam bahasa Melayu dan tidak aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Hal yang sama dibuktikan oleh Ooi (2017) yang mendapati faktor-faktor seperti latihan, persekitaran, minat dan sikap murid turut menyebabkan berlakunya masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Cina.

Akhir sekali, kajian Shahidi A.H., Shirley Langgau, & Rahim Aman (2015) yang berkaitan dengan pola pertembungan bahasa yang terdapat dalam komunikasi berbahasa Melayu dalam kalangan penutur natif Iban mengatakan bahawa terdapat kesalahan yang khusus dalam aspek sebutan oleh pelajar bahasa kedua. Kajian Shahidi A.H., Shirley Langgau, & Rahim Aman (2015) dijalankan bertujuan untuk memaparkan ciri-ciri akustik vokal dalam bahasa Iban oleh penutur Iban, mendeskripsikan ciri-ciri akustik vokal yang tedapat dalam bahasa Melayu oleh penutur Iban, dan menganalisis pola fonetik vokal bahasa Melayu yang diujarkan oleh penutur Iban. Sampel kajian adalah seramai 14 orang yang berumur antara 19 hingga 23 tahun dan merupakan penutur natif bahasa Iban yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian Shahidi A.H., Shirley Langgau, & Rahim Aman (2015) menggunakan kaedah temu bual. Data kajian dianalisis menggunakan teori analisis kontrasitif. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur perempuan Iban tidak cendurung untuk memindahkan sistem bunyi vokal ke sistem bunyi vokal bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sehubungan dengan itu, keputusan ini adalah hampir sama dengan

dapatan kajian Shahidi A.H. & Rahim Aman (2010) yang menunjukkan dialek negeri yang digunakan oleh penutur turut mempengaruhi sebutan dalam pertuturan bahasa Melayu Standard.

Metodologi

Kajian kuantitatif menggunakan skrip jawapan murid sebagai bahan kajian yang akan dianalisis. Justeru, beberapa skrip jawapan bahagian C kertas penulisan murid tahun 5 yang berbangsa Cina dalam telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Seterusnya, kesemua skrip jawapan ini telah dianalisis bagi mengenal pasti kesalahan dari aspek morfologi yang kerap dilakukan oleh murid-murid Cina. Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) telah diaplikasikan dalam kajian untuk menganalisis data kajian. Berdasarkan teori yang telah dipilih, beberapa prosedur perlu dipatuhi iaitu selepas mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh murid, kesalahan tersebut dijelaskan dan dihuraikan. Kemudian, kesalahan yang telah dikenal pasti akan ditentukan kekerapannya.

Dapatan kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan murid-murid Cina melakukan kesalahan morfologi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Antara kesalahan morfologi yang dilakukan oleh murid-murid Cina ialah;

Penggunaan Imbuhan Awalan “di-”

(1) Sayur-sayuran perlu ***di basuh*** sebelum ***di masak***.
(2) Alatan tajam perlu ***di simpan*** ditempat selamat.
(3) Ubatan perlu ***diletakkan*** ditempat selamat.

Ayat di atas merupakan beberapa contoh ayat yang telah dipetik daripada skrip jawapan murid. Berdasarkan ayat (1), ayat (2) dan ayat (3), terdapat kesalahan penggunaan imbuhan “di-” dalam ayat-ayat tersebut. Namun, dalam ayat (1) dan ayat (2), penggunaan imbuhan awalan “di-” adalah tidak tepat. Imbuhan awalan “di-” dalam kedua-dua ayat tersebut telah ditulis secara terpisah dengan kata kerjanya, iaitu kata “basuh”, “masak” dan “simpan”. Sedangkan dalam proses pembentukan kata secara pengimbuhan, imbuhan awalan “di-” perlu ditulis secara rapat dengan kata kerja. Justeru, kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam ayat (1), ayat (2) dan ayat (3), perlu diperbetulkan menjadi “dibasuh”, “dimasak” dan “disimpan”. Dalam pada itu, kesalahan ini berlaku disebabkan murid terkeliru dalam penggunaan imbuhan awalan “di-” dan kata sendi nama “di”. Mengikut hukum tatabahasa, kata sendi nama “di” sememangnya ditulis terpisah dengan kata yang berikutnya. Kata-kata tersebut terdiri daripada kata nama, kata arah, dan kata ganti nama tunjuk. Manakala imbuhan awalan “di-” pula perlu ditulis rapat dengan kata kerja sahaja. Namun, jika diteliti dalam ayat (3), murid menggunakan imbuhan awalan “di-” dengan betulnya apabila imbuhan tersebut dipasangkan dengan imbuhan akhiran “-kan” dan membentuk imbuhan apitan “di-...-kan”. Jadinya, bolehlah disimpulkan bahawa murid hanya terkeliru dengan penggunaan imbuhan awalan “di-” dengan kata sendi nama “di” sahaja namun tidak pada penggunaan imbuhan apitan “di-...-kan”.

Hasil daripada analisis penuh kesemua skrip jawapan murid, didapati bahawa kesalahan ini kerap dilakukan oleh murid-murid. Graf di bawah menunjukkan kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-” dalam penulisan murid.



Rajah 1: Kekerapan Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan "di-"

Berdasarkan Rajah 1, menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-” dalam skrip jawapan bahagian C kertas penulisan. 8 orang daripada 10 orang murid telah melakukan kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-”. Hanya dua orang murid, iaitu R7 dan R8 yang tidak melakukan kesalahan. Berdasarkan data yang telah diperoleh, min bagi kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-” ialah 3.1. Seterusnya, median bagi kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-” pula ialah 3, manakala mod bagi kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-” ialah 3.

Penggunaan Imbuhan “meN-”dan Alomorfnya

(1) Makanan bersih ***menelakkan*** sakit perut.
(2) Kita mudah ***mencari*** barang itu nanti.
(3) Makanan kotor ***mensebabkan*** keracunan makanan.

Dalam ketiga-tiga ayat di atas, jelas menunjukkan kesalahan ejaan bagi perkataan berimbuhan. Dalam ayat (1), ayat (2) dan ayat (3), didapati kesalahan penggunaan imbuhan “meN-” dan alomorfnya. Dalam ayat (1) kesalahan berlaku kerana murid tertinggal satu huruf “g” . Ejaan yang betul ialah ‘menggelakkan’. Dalam pembentukan atau penerbitan kata berimbuhan, hanya mempunyai empat alormorf sahaja, iaitu “me-”, “men-”, “mem-” dan “meng-”. Kemudian, dalam proses pembentukan atau penerbitan kata berimbuhan juga akan berlakunya proses penggantian atau pengguguran konsosan pertama pada kata dasar tersebut. Dalam ayat (1), kata “elak” seharusnya menerima imbuhan apitan “meng-...-kan”. Jadinya, kata “menelakkan” sepatutnya ditulis dengan kata “mengelakkan”. Dalam ayat (3) pula, kesalahan yang dilakukan oleh murid ialah murid meletakkan imbuhan apitan “men-...-kan” tanpa melakukan proses penggantian. Tiap-tiap kata dasar yang bermula dengan konsonan “s” akan mengalami proses penggantian dengan konsonan “y”. Makanya, kesalahan pada ayat (3) perlulah diperbetulkan menjadi “menyebabkan”. Seterusnya, dalam ayat (2) pula, didapati bahawa murid menggunakan alomorf imbuhan “meN-“ dengan betulnya. Hal ini demikian kerana kata tersebut tidak mengalami sebarang proses perubahan sama ada penggantian atau pengguguran. Oleh itu, murid tidak melakukan kesalahan dalam pemilihan alomorf bagi mana-mana kata dasar yang tidak mengalami proses perubahan dan penggantian.

Secara keseluruhan, kesalahan yang telah dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan mereka telah dicatatkan kekerapannya. Kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan “meN-” ditunjukkan dalam rajah yang berikut;



Rajah 2: Kekerapan Kesalahan Penggunaan Imbuhan "meN-"

Berdasarkan Rajah 2, jelas menunjukkan kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan "meN-" yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan mereka. Sebanyak 7 orang murid yang melakukan kesalahan dalam penggunaan imbuhan "meN-" berikutan kegagalan murid-murid memilih alomorf yang sesuai untuk membentuk kata berimbuhan. Hasil analisis didapati min kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid ialah 3.5. median ialah 4, dan mod bagi taburan data tersebut ialah 0.

Pemilihan Istilah

(1) Kita perlu ***ambil mari*** makanan sihat..

(2) Makanan ***bagi*** kita banyak tenaga.

(3) Makanan sihat ***kasi*** kita badan kuat.

Selain kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan "di-" dan imbuhan "meN-", hasil kajian juga menunjukkan bahawa murid-murid Cina turut melakukan kesalahan dalam pemilihan istilah. Ayat (1), ayat (2) dan ayat (3) yang ditunjukkan di atas merupakan ayat yang telah dipetik daripada skrip jawapan murid. Dalam ayat (1), didapati murid-murid telah menggunakan istilah "ambil mari" dalam ayat tersebut. Istilah "ambil mari" merupakan istilah yang tidak tepat untuk menjelaskan kata "mengambil". Dalam ayat (2) pula, murid-murid telah menggunakan kata "bagi" untuk menunjukkan perbuatan "memberikan" dalam penulisan mereka. Seterusnya, dalam ayat (3), kesalahan ayat yang sama turut dilakukan oleh murid-murid apabila kata "kasi" telah dipilih untuk menjelaskan perbuatan "menjadikan". Ketiga-tiga kesalahan yang telah dilakukan oleh murid-murid dalam ayat (1), ayat (2) dan ayat (3) merupakan kesalahan yang sering kali dilakukan dalam pertuturan atau perbualan mereka. Kesalahan yang tidak diperbetulkan dalam pertuturan akan menyebabkan murid terbiasa hingga terbawa-bawa dalam penulisan. Tambahan pula dengan kosa kata yang terhad akan cenderung menyebabkan murid-murid memilih istilah yang hanya diketahui oleh mereka sahaja. Perkara ini juga telah dibuktikan oleh Hazlina Abdul Halim & Ang Lay Hoon (2015) yang mendapati pelajar bahasa kedua akan memilih istilah yang paling hampir dengan perkara sebenar yang hendak disampaikan walaupun istilah itu tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. Sementara itu, dalam ayat (2) dan ayat (3), kata "bagi" dan "kasi" merupakan bahasa yang tidak formal dan tidak sesuai digunakan dalam penulisan. Dalam bahasa Mandarin, kata "bagi" dan "kasi" yang merujuk kepada maksud "beri" disebut "*gei*". Kedua-dua kata ini akan sering kita dengar dalam perbualan seharian mereka.

Kekerapan kesalahan pemilihan istilah dicatatkan dalam Rajah 3 yang berikut;



Rajah 3 : Kekerapan Kesalahan Pemilihan Istilah

Rajah 3 di atas menunjukkan kekerapan kesalahan dalam pemilihan istilah yang dilakukan oleh murid-murid dalam penulisan mereka. Berdasarkan Rajah 3, hanya 4 orang daripada 10 orang murid yang melakukan kesalahan tersebut. Daripada data dalam Rajah 3 di atas, dapat kenal pasti bahawa min bagi data di atas ialah 1.3, mod ialah 0, dan median juga 0.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan, dapatlah disimpulkan bahawa antara kesalahan bahasa yang sering kali dilakukan oleh murid-murid Cina dalam penulisan mereka ialah kesalahan dari aspek morfologi. Kesalahan-kesalahan dari aspek morfologi ialah kesalahan penggunaan imbuhan awalan "di-", imbuhan "meN-" dan pemilihan istilah. Kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan "di-" merupakan kesalahan yang dilakukan oleh ramai murid. Namun, kesalahan dari segi pemilihan alomorf bagi imbuhan "meN-" merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan secara keseluruhannya. Justeru, berdasarkan analisis yang telah dilakukan, dapatan kajian ini mampu untuk membantu guru-guru atau pengajar bahasa kedua khasnya dalam mengenal pasti kesalahan yang kerap dilakukan oleh murid-murid yang mempelajari bahasa kedua dan bahasa asing.

Memandangkan kajian dalam analisis kesalahan lebih jelas dalam menentukan kesalahan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua, sewajarnya para pengajar dapat merancang strategi agar masalah ini dapat diatasi. Sungguhpun Brown (1994) dan Littlewood (1998) percaya bahawa apabila pelajar semakin maju dalam memperoleh norma-norma bahasa sasaran, semakin banyak kesalahan intralingual, namun para pendidik yang berminat mencari kebenaran harus melakukan penyelidikan semula untuk menentukan kaedah dan strategi mengajar bahasa kedua dan bahasa asing yang lebih sesuai bagi membantu murid-murid bahasa kedua dan bahasa asing belajar bahasa tersebut dengan lebih baik dan selesa. Impaknya, keterampilan berbahasa dalam kalangan murid-murid dapat ditingkatkan.

Rujukan

Brown, H. D. (1994). Teaching by Principles: Interactive language teaching methodology. New York: Prentice Hall Regents.

Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.

Chia Teh Heng. (1999). *Ayat Tanya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina : Satu Analisis Kontrastif* . (M.M.L.S.), Universiti Malaya.

Hazlina Abdul Halim, & Ang Lay Hoon. (2015). Kesalahan Pemilihan Dan Pembentukan Kata Dalam Terjemahan Bahasa Perancis.*GEMA Online Journal of Language Studies*.

Littlewood, W.T. (1998). Foreign and second language learning. New York: Cambridge University Press.

Nadwah Daud, & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalah Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 14(1)*.

Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Penguasaan Kosa Kata dan Kemampuan Membina Ayat Bahasa Thai. *Jurnal Linguistik*. Vol. 17(1) Jun. (29-38)

Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Ayat Tanya Dalam Bahasa Thai Dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan. *Jurnal Linguistik*. Jilid 13 (1) Jun (1-12)

Ooi Chwee Hwa. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyyah Vol. 20*.

Priscilla, S., Chang, S. L., & Jeannet, S. (2016). Pronunciation Problems: A Case Study on English Pronunciation Errors of Low Proficient Students. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.

Roshidah Hassan. (2015). Analisis Penguasaan Bunyi Vokal Bahasa Perancis oleh Pelajar Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 15(3)*.

Salinah Jaafar, & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 15(2)*.

Shahidi A.H., & Rahim Aman. (2010). Pengaruh Dialek Dalam Pertuturan Bahasa Melayu Standard: Pencerakinan Bunyi Berasaskan Spektogram. *Jurnal Bahasa*.

Shahidi A.H., Shirley Langgau, & Rahim Aman. (2015). Pola Pertembungan Dalam Komunikasi Berbahasa Melayu Oleh Penutur Natif Iban. *Jurnal Komunikasi Jilid 31(2)*.

Shak, P., Chang, S., & Stephen, J. (2016). Pronunciation Problems: A Case Study on English Pronunciation Errors of Low Proficient Students. *International Jurnal of Language Education and Applied Linguistics*, 27.